



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2018

**BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN CARIAN
DOKUMENTASI DAN PENGESAHAN MAKLUMAT
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah untuk memaklumkan mengenai dasar bayaran caj perkhidmatan carian dokumentasi dan pengesahan maklumat LPP dan Pertubuhan Peladang (PP) atau lain-lain maklumat berkaitan selaras fungsinya di bawah Seksyen 4 (2) Akta LPP 1973 [Akta 110].

2.0 TAKRIF

- 2.1 'Pertubuhan Peladang' ertinya sesuatu Pertubuhan Peladang (PP) yang dibentuk di bawah seksyen 3 di peringkat Kawasan, Negeri atau Kebangsaan dan yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta PP 1973 [Akta 109].
- 2.2 'Pihak Luar' ertinya selain Pertubuhan Peladang (PP) seperti Kementerian / Badan Berkanun / Jabatan / Agensi / Pihak Swasta / Orang Perseorangan dan lain-lain Pertubuhan.

- 2.3 'Badan Berkuasa' ertinya Polis Di Raja Malaysia / Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia / Kastam Di Raja Malaysia / Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kerap dihubungi oleh PP, Jabatan, Agensi, Pihak Swasta dan individu yang memerlukan perkhidmatan carian dokumentasi dan pengesahan maklumat LPP dan Pertubuhan Peladang (PP).
- 3.2 Di antara carian dan pengesahan maklumat LPP/PP adalah seperti berikut:-
- 3.2.1 Pendaftaran nama PP.
 - 3.2.2 Pengesahan nama Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PP.
 - 3.2.3 Pengesahan aktiviti PP.
 - 3.2.4 Pengesahan statistik perniagaan PP.
 - 3.2.5 Perundangan dan peraturan PP.
 - 3.2.6 Kuasa-kuasa PP.
 - 3.2.7 Kuasa-kuasa AJP.
 - 3.2.8 Salinan Kaedah / Peraturan PP.
 - 3.2.9 Salinan Akta / Perlembagaan PP.
 - 3.2.10 Sijil Pendaftaran / Penutupan PP.
 - 3.2.11 Lain-lain maklumat / dokumen pengesahan LPP/PP.
- 3.3 Mengenakan caj carian dan pengesahan adalah selari dengan Pejan Korporat LPP Ke-6 memperkukuhkan sumber kewangan serta memperkasakan peranan Pendaftar dan fungsi LPP. Pada masa yang sama Pendaftar Syarikat iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengenakan caj carian dan pengesahan kepada mana-mana individu atau pihak berhubung dengan perkara ini.

- 3.4 Keputusan kadar caj perkhidmatan carian telah diluluskan dan dimuktamadkan oleh Lembaga Pengarah LPP Ke-252 Tahun 2018 pada 12 Februari 2018.

4.0 PUNCA KUASA

- 4.1 Di bawah Seksyen 4 (2) Akta LPP 1973 [Akta 110] menyatakan Fungsi Lembaga; Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu atau yang bersampingan dengan perjalanan fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan yang disebut terdahulu.
- (j) untuk mengenakan bayaran atau apa-apa caj lain sebagaimana yang difikirkan patut bagi melaksanakan mana-mana daripada kuasa atau fungsinya;
 - (k) untuk menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya, apa-apa komisen atau bayaran sebagaimana yang dipersetujui;

5.0 KADAR CAJ PERKHIDMATAN CARIAN

- 5.1 Kadar caj perkhidmatan carian meliputi semua yang berkepentingan seperti Pertubuhan Peladang / Badan Berkanun / Jabatan / Agensi / Pihak Swasta / Orang Perseorangan dan lain-lain Pertubuhan.
- 5.2 Kadar caj perkhidmatan carian yang dikenakan peringkat dalaman iaitu PP adalah seperti di **Jadual 1**. Manakala caj perkhidmatan carian pihak luar seperti di **Jadual 2** berikut:-

Jadual 1 : Kadar Caj Perkhidmatan Carian Peringkat Dalaman (PP)

Bil.	Perkhidmatan	Kadar Caj (RM)
1.	Carian Satu Pertubuhan Peladang (PP)	10.00
2.	Salinan Diakui Sah	5.00/muka surat
3.	Salinan Sijil Pendaftaran PP/Sijil Pindaan Perlembagaan (nama PP, alamat PP, saham)	20.00/Sijil
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Kaedah/Kumpulanwang/Sijil Kelulusan Pendaftaran Ke Atas Penyata Kewangan	20.00/Sijil
5.	Sijil Perakuan Penutupan PP	20.00/Sijil
6.	Salinan Akta/Peraturan PP/Perlembagaan PP/Pendaftaran Kaedah/Kumpulanwang/Laporan Audit dan Penyata Kewangan PP	5.00/muka surat
7.	Statistik Perniagaan/Maklumat PP	5.00/muka surat
8.	Lain-lain maklumat/dokumen carian dan pengesahan LPP/PP	5.00/muka surat

Jadual 2 : Kadar Caj Perkhidmatan Carian Pihak Luar

Bil.	Perkhidmatan	Kadar Caj (RM)
1.	Carian Satu Pertubuhan Peladang (PP)	13.00
2.	Salinan Diakui Sah	6.00/muka surat
3.	Salinan Sijil Pendaftaran PP/Sijil Pindaan Perlembagaan (nama PP, alamat PP, saham)	26.00/Sijil
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Kaedah/Kumpulanwang/Sijil Kelulusan Pendaftaran Ke Atas Penyata Kewangan	26.00/Sijil
5.	Sijil Perakuan Penutupan PP	26.00/Sijil
6.	Salinan Akta/Peraturan PP/Perlembagaan PP/Pendaftaran Kaedah/Kumpulanwang/Laporan Audit dan Penyata Kewangan PP	6.00/muka surat
7.	Statistik Perniagaan/Maklumat PP	6.00/muka surat
8.	Lain-lain maklumat/dokumen carian dan pengesahan LPP/PP	6.00/muka surat

6.0 PENGECUALIAN

- 6.1 Pengecualian caj perkhidmatan carian dan pengesahan dokumentasi hanya boleh dipertimbangkan jika PP berkenaan mengalami kecurian, bencana alam atau malapetaka seperti banjir, kebakaran, gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh atau taufan.
- 6.2 Pengecualian caj perkhidmatan carian dan pengesahan dokumentasi juga diberi kepada Badan Berkuasa di bawah tafsiran perkara 2.3.

7.0 TABUNG DANA / AKAUN

- 7.1 Semua perolehan caj perkhidmatan carian dimasukkan/dikreditkan ke dalam Akaun Pendaftar Vot : 1-000-1500-98131 LPP.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuatkuasa pada 12hb. Februari 2018.



(Dato' Haji Mohd Salim Bin Haji Taha)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

Tarikh : 12/2/18

Sk;
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB. Setiuasaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Pertubuhan Peladang

Edaran Kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai – Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)

- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit Semenanjung Malaysia (KESADA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPP Negeri Sabah (KESABAH)
- Presiden Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Lembaga Pertubuhan Peladang Semenanjung Malaysia (TEMA)